

# **DASAR DAN AMALAN DALAM PENGGAJIAN PEKERJA ASING**

## **1. OBJEKTIF**

- i. Untuk menyediakan garis panduan dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh majikan sebelum dibenarkan menggaji pekerja asing; dan
- ii. Kriteria dan prosedur yang perlu dipenuhi sebagai syarat untuk menggaji pekerja asing dan dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan.

## **2. PERANAN KEMENTERIAN-KEMENTERIAN YANG TERLIBAT**

### **i. KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

Kementerian Sumber Manusia (KSM) bertanggungjawab ke atas hal penggajian dan perburuhan serta merupakan Urus Setia kepada *One-Stop Center* (OSC) Pengurusan Pekerja Asing bagi pertimbangan dan kelulusan permohonan kuota penggajian pekerja asing oleh majikan.

KSM juga bertanggungjawab untuk memastikan majikan yang membawa masuk pekerja asing mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang buruh yang ditetapkan. Pekerja asing yang digajikan secara sah layak menikmati perlindungan dan faedah-faedah yang ditetapkan oleh undang-undang buruh. Undang-undang ini juga menggariskan prosedur dan kaedah mendapatkan remidi bagi semua pelanggaran undang-undang yang dilakukan oleh majikan atau pekerja termasuk pekerja asing.

### **ii. KEMENTERIAN DALAM NEGERI / JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) adalah terlibat secara langsung dalam urusan

kemasukan dan balik bagi semua pekerja asing. JIM juga merupakan agensi penguatkuasaan melalui undang-undang keimigresenan yang berkaitan dengan pekerja asing tanpa izin (PATI) atau tanpa permit kerja yang sah dan penghantaran pulang pekerja asing yang menimbulkan masalah sosial, menggugat ketenteraman awam dan menimbulkan ketegangan perburuhan seperti pergaduhan di tempat awam, mogok dan piket haram yang menjejaskan perhubungan industri.

### **3. DASAR BERKAITAN PENGGAJIAN PEKERJA ASING**

- i. Keutamaan penggajian adalah untuk rakyat tempatan. Penggajian pekerja asing adalah langkah sementara (*temporary measures*) untuk menampung kekosongan jawatan. Majikan dikehendaki membuat pengiklanan kekosongan jawatan di laman sesawang *MyFutureJobs* membolehkan pencari kerja rakyat tempatan yang berdaftar di dalam portal tersebut diutamakan mengisi kekosongan jawatan tersebut.
- ii. Bilangan pekerja asing diluluskan berasaskan kepada nisbah/kuota yang ditetapkan mengikut sektor oleh Agensi Kawal Selia (AKS).
- iii. Pekerja asing dibenarkan bekerja bagi tempoh maksimum 10 tahun sahaja dan had umur kemasukan (semasa) adalah antara 18 hingga 45 tahun.
- iv. Pekerja asing wajib menjalani kursus orientasi/induksi berkaitan bahasa, budaya dan adat-resam, undang-undang serta peraturan perburuhan dan imigresen (tertakluk kepada negara sumber).
- v. Majikan perlu memberi perlindungan dan layanan yang saksama tanpa diskriminasi kepada pekerja tempatan dan juga pekerja asing.

- vi. Majikan bertanggungjawab menyediakan kemudahan perumahan kepada pekerja asing bagi memudahkan mengawal dan memantau pekerja sebagai Langkah pencegahan daripada berlakunya masalah perburuhan dan sosial seperti mana yang telah diperuntukkan di dalam Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446).
- vii. Pekerja asing tidak dibenarkan berkahwin sepanjang tempoh penggajiannya dan tidak dibenarkan membawa ahli keluarganya ke Malaysia.
- viii. Tidak menimbang permohonan daripada mana-mana majikan yang pernah melakukan kesalahan di bawah undang-undang perburuhan dalam penggajian pekerja asing.
- ix. Bagi restoran makanan segera, Kerajaan telah memutuskan untuk tidak membenarkan majikan menggaji pekerja asing di dalam sektor tersebut. Kekosongan jawatan ini adalah untuk pekerja tempatan sahaja.

#### **4. TANGGUNGJAWAB MAJIKAN**

- i. Majikan perlu menyediakan terma dan syarat-syarat pekerjaan kepada setiap pekerja asing yang digajikan dan memastikannya tidak kurang baik daripada Akta Kerja 1955 [Akta 265].
- ii. Memastikan gaji pokok yang ditawarkan dinyatakan dengan jelas dalam terma kontrak pekerjaan. Gaji pokok ini hendaklah sama seperti yang ditawarkan kepada pekerja tempatan dalam kapasiti pekerjaan yang sama.
- iii. Mematuhi apa-apa ketetapan oleh Kerajaan berhubung gaji minimum yang diperuntukkan di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732].

- iv. Terma dan syarat-syarat pekerjaan ini hendaklah dijelaskan oleh majikan atau agen yang diberi kuasa oleh majikan dan difahami oleh setiap pekerja asing semasa pemilihan dilaksanakan. Terma dan syarat-syarat pekerjaan ini hendaklah sama dengan syarat-syarat pekerjaan yang akan ditandatangani pekerja dan majikan.
- v. Memastikan terma dan syarat-syarat pekerjaan ditandatangani oleh pekerja asing sebelum atau semasa memulakan pekerjaan.
- vi. Bertanggungjawab untuk menyediakan perlindungan insurans kepada setiap pekerja asing yang digajikan sepertimana yang dikehendaki di bawah Akta Keselamatan Sosial 1969 [Akta 4].
- vii. Tidak memegang dan menyimpan pasport pekerja asing selaras dengan Akta Pasport 1966 [Akta 150].
- viii. Tidak menggaji mana-mana pendatang asing tanpa izin selaras dengan Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155];
- ix. Menyediakan pengangkutan dan menanggung kos pengangkutan daripada tempat kemasukan (*entry-point*) di Malaysia ke tempat pekerjaan.
- x. Menyediakan kemudahan tempat tinggal dan kemudahan asas bersesuaian kepada pekerja asing seperti yang dikehendaki di bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446].
- xi. Mematuhi tempoh penggajian yang ditetapkan di dalam permit kerja.
- xii. Memastikan setiap pekerja asing menjalani pemeriksaan kesihatan FOMEMA dalam tempoh 1 bulan daripada tarikh kemasukan di Malaysia dan menanggung kosnya.

- xiii. Menghantar pulang pekerja asing yang telah disahkan menghidapi penyakit berbahaya, penyakit berjangkit atau tidak lagi berupaya untuk bekerja.
- xiv. Memperolehi *Check Out Memo* (COM) daripada pihak Jabatan Imigresen Malaysia sebelum menghantar pulang pekerja asing ke negara asal.
- xv. Menanggung perbelanjaan pengebumian (*funeral*) dan penghantaran balik pekerja asing yang meninggal dunia.
- xvi. Menanggung kos penghantaran balik pekerja asing yang telah cukup tempoh kontrak atau ditamatkan perkhidmatannya oleh majikan.

## **5. TANGGUNGJAWAB PEKERJA ASING**

- i. Setiap pekerja layak mendapat satu salinan terma dan syarat-syarat pekerjaan (kontrak pekerjaan) daripada majikan yang menggajinya mengikut nama majikan yang dinyatakan dalam permit kerja.
- ii. Mematuhi semua undang-undang, peraturan-peraturan, dasar dan arahan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.
- iii. Menghormati budaya dan tradisi Malaysia semasa tinggal bekerja di Malaysia.
- iv. Mematuhi tempoh penggajian yang telah ditetapkan oleh permit kerja.
- v. Setiap pekerja asing wajib menjalani dan lulus ujian saringan kesihatan *Biomedical* sebagai pra syarat kemasukan bekerja di Malaysia.
- vi. Membawa dan mengemukakan salinan Laporan Pemeriksaan Kesihatan dari negara sumber bagi tujuan kemasukan bekerja.

- vii. Menjalani pemeriksaan kesihatan FOMEMA di Malaysia dalam tempoh 1 bulan daripada tarikh kemasukan.
- viii. Menanggung sendiri kos pengangkutan balik ke negara asal sekiranya diberhentikan kerja oleh majikan atas sebab salah laku atau pekerja asing tersebut berhenti kerja sendiri (*resign*).
- ix. Tidak dibenarkan berkahwin sepanjang tempoh tinggal di Malaysia.
- x. Tidak dibenarkan membawa masuk keluarga ke Malaysia.
- xi. Pekerja dilarang bekerja dengan majikan selain daripada yang tercatat dalam permit kerja.